

**PERUBAHAN DALAM TRADISI
KEKELUARGAAN KOMUNITI KADAYAN:
KAJIAN ETNOGRAFI DI KAMPUNG
SUNGAI MIRI, WP LABUAN**

**MOHAMAD SAIFUL BIN JAPAR
HA2006-4554**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4000017051



183252

HADIAH

PUMS99.1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: PERUBAHAN DZM TRADISI KELUARGAAN KOMUNITI KADAYAN:
KAJIAN ETNOGRAFI DI KAMPUNG SUNGAI MIRI, WP LABUHAN.

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA MUHAMAD SAIFUL BIN JAPAR SESI PENGAJIAN: 2009
 (HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

PROF. MADYA - DR. JACQUELINE

Nama Penyelia

Tarikh: 20.11.2009

Tarikh: 20.11.2009

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017051

DITERIMA

30.11.2009

Sekolah Tinggi Sastera




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

Latihan ilmiah yang bertajuk Perubahan dalam Tradisi Kekeluargaan Komuniti Kadayan: Kajian Etnografi di Kampung Sungai Miri, WP Labuan yang disediakan oleh Mohamad Saiful bin Japar bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh:




(Prof Madya. Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan)
Sekolah Sains Sosial
20 Mei 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



MOHAMAD SAIFUL BIN JAPAR
HA2006-4554
20 MEI 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Sepanjang-pangjang doa kesyukuran saya panjatkan kepada Allah S.W.T yang telah memberikan saya peluang untuk menghasilkan nukilan yang ringkas ini. Ucapan terima kasih yang tak ternilai saya juga kedua kedua arwah ibu dan bapa saya yang tidak sempat melihat kejayaan saya memegang segulung ijazah. Namun saya pasti nun di sana mereka akan gembira melihat kejayaan anak bungsu mereka ini.

Ucapan terima kasih saya juga kepada Prof Madya Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan selaku penyelia saya yang telah membimbang saya dalam menyiapkan tesis ini. Saya juga terhutang budi kepada beliau kerana memberikan saya ilmu yang tak terhitung banyaknya selama menjadi pelajar beliau. Juga, saya amat berterima kasih kepada para pensyarah program Sosiologi dan Antropologi Sosial, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah kerana mengajarkan ilmu yang tak ternilai kepada saya sepanjang tiga tahun pengajian saya di UMS ini.

Kepada keluarga saya, kakak Faridah binti Japar, Maimun dan Zaleha binti Japar yang telah memberikan sokongan kewangan dan moral selama ini. Saya amat menghargai usaha kalian dalam membantu perjalanan kehidupan saya. Kepada abang saya Mohamad Sani bin Japar dan isterinya, Puan Norane binti Hj Ahmad yang merupakan penduduk asal Kampung Sungai Miri. Saya mengucapkan terima kasih atas segala bantuan dan sokongan yang telah diberikan sepanjang saya membuat penyelidikan lapangan selama satu bulan. Juga tidak terlupakan, komuniti Kadayan Kampung Sungai Miri yang kecil tetapi mempunyai hati yang besar. Ucapan terima kasih saya berikan atas kemuliaan dan kemesraan yang diberikan kepada saya sepanjang membuat penyelidikan ini.

Kepada teman-teman yang berteknologi tinggi, Kalsia binti Matrin, Nur Azan bin Sabar, Zeno Fernandez Nasirin, Ira Haffizul, Henry Julius yang telah menceriakan kehidupan saya di UMS selama tiga tahun ini. juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada teman sekuliah saya Moganamani a/l Jevanathan, Monalyn Ansawi, Vanessa Zeno dan Dayang Emilia Ariza yang sentiasa memberikan saya sokongan dan bantuan untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, upacara setinggi-tinggi terima kasih ingin saya panjangkan kepada teman teristimewa C J Syra Joannes yang telah memberikan saya kekuatan moral dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Rasa syukur ini hanya bersamamu juga susah untuk dilupakan. Walau habis terang.



ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini mendedahkan berkenaan dengan tradisi kekeluargaan dalam komuniti Kadayan di Kampung Sungai Miri, Wilayah Persekutuan Labuan. Umum mengetahui bahawa perubahan sosial sememangnya berlaku pada masyarakat kini yang diakibatkan oleh pembangunan dan angin modenisasi yang sedang bertiup sekarang. Oleh yang demikian, kajian ini akan menumpu kepada perubahan yang telah dialami oleh komuniti Kadayan ini dalam jajaran masa. Fokus kajian pula bertumpu kepada perubahan dalam organisasi, adat dan kepercayaan dalam tradisi kekeluargaan komuniti Kadayan di Kampung Sungai Miri. Lantaran itu, faktor penyebab kepada perubahan sosial ini dan hasil dan implikasinya adalah merupakan analisa dalam kajian perubahan ini. Bagaimana strategi penyesuaian mereka dalam menyelusuri perubahan sosial ini akan turut sama dibincangkan



ABSTRACT***CHANGE IN THE FAMILY TRADITIONS OF THE
KADAYAN COMMUNITY: AN ETHOGRAPHIC
STUDY AT KAMPUNG SUNGAI MIRI, F.T. LABUAN***

The aim of this study is to explore the traditional family system of the Kadayan community at Kampung Sungai Miri and examine the changes that are taking place in this system. In general, social change occurs in many societies that are experiencing development and the winds of modernization. Thus, this study will concentrate on the changes which are occurring in the Kadayan community today. The focus of this study will be concerned with social organization, customs and beliefs in the family traditions of Kampung Sungai Miri. In addition to this, factors contributing to social change, their outcomes and implications are also analyzed in this study. The adaptive strategies that the Kadayan use to cope with change will also be discussed.



SINGKATAN

BIMP-EAGA	<i>Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area</i>
IOFC	<i>International Offshore Banking Finance Centre</i>
KEMAS	Kementerian Kemajuan Masyarakat
SAR	Sekolah Agama Rakyat
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
UITM	Universiti Teknologi Mara
UMS-KAL	Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan
UMNO	<i>United Malays Organization</i>
WP	Wilayah Persekutuan



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

MUKA DEPAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SINGKATAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI PETA	xi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
 BAB 1: PENGENALAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Konsep Teoretikal	5
1.4.1 Keluarga	6
1.4.2 Komuniti	9
1.4.3 Perubahan Sosial	10
1.5 Sorotan Literatur	15
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	19
1.7 Kaedah Penyelidikan	22
1.7.1 Perolehan Data Primer	22
1.7.2 Perolehan Data Sekunder	25
1.8 Kepentingan Kajian	26
 BAB 2: SEJARAH KOMUNITI DAN LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN	 27
2.1 Sejarah dan Asal Usul Komuniti Kadayan	27
2.2 Komuniti Kadayan di Pulau Labuan	32
2.3 Latar Belakang Kawasan Kampung Sungai Miri	39
2.4 Asal Usul Nama Kampung	43
2.5 Bentuk Petempatan di Kampung Sungai Miri	44
2.6 Pentadbiran Kampung	45
2.7 Organisasi Pekerjaan di Kampung Sungai Miri	48
 BAB 3: ORGANISASI SOSIAL KOMUNITI KADAYAN DAN PERUBAHAN	 56
3.1 Organisasi Sosial Komuniti Kadayan	56
3.2 Sistem Kepimpinan Tradisional Komuniti Kadayan	57
3.3 Sistem Persanakan Komuniti Kadayan	58
3.3.1 Pantang Larang Sumbang Muhrim	60
3.3.2 Bentuk Keluarga Kadayan Tradisional	61



3.3.3 Terma Penggelaran Rujukan Kekerabatan dalam Komuniti Kadayan	62
3.3.4 Keahlian dalam Keluarga	65
3.4 Hubungan Gender	69
3.5 Pemilihan Jodoh	69
3.6 Hubungan Kekerabatan di Kampung Sungai Miri	70
3.7 Pembahagian Harta dalam Komuniti Kadayan	71
3.8 Tradisi Perkahwinan dalam Budaya Kadayan	72
3.8.1 Adat-adat Tradisional dalam Upacara Perkahwinan	81
3.8.1.1 Adat <i>Baambil</i>	81
3.8.1.2 Adat <i>Mulih Tiga Haie</i>	83
3.8.1.3 Adat <i>Mulih Tujuh Haie</i>	84
3.8.2 Elemen-elemen Material dalam Adat Perkahwinan Tradisional Kadayan	85
3.9 Pola Petempatan Selepas Berkahwin	87
3.10 Perubahan dalam Sistem Organisasi Sosial Kadayan	88
3.10.1 Perubahan dalam Sistem Kepimpinan Tradisional	89
3.10.2 Cara Pemilihan Jodoh	89
3.10.3 Penghapusan Adat <i>Baambil</i>	90
3.10.4 <i>Mulih Tujuh Haie</i>	92
3.10.5 Perubahan dalam Elemen-elemen Perkahwinan	93
3.10.6 Hubungan Gender	95
3.10.7 Corak Petempatan Selepas Kahwin	96
3.10.8 Perpecahan Keluarga Luas	98
3.11 Rumusan	101
BAB 4: TRADISI KEKELUARGAAN KOMUNITI KADAYAN DAN PERUBAHANNYA	102
4.1 Pengenalan	102
4.2 Tradisi Berkeluarga dalam Komuniti Kadayan	102
4.2.1 Anak dalam Keluarga Komuniti Kadayan	103
4.2.2 Adat <i>Papat Jambul</i>	104
4.2.3 Tradisi Penjagaan Anak	106
4.2.4 Sosialisasi Kanak-kanak	108
4.2.5 Kawalan Sosial Tradisional dalam Penjagaan Anak	109
4.3 Pendidikan Kanak-kanak	111
4.3.1 Pendidikan Tidak Formal	111
4.3.2 Pendidikan Formal	112
4.4 Peralihan Taraf Seseorang Individu dalam Komuniti Kadayan	113
4.5 Kepercayaan dan Pantang Larang dalam Komuniti Kadayan	114
4.6 Upacara Tradisional dan Hubungannya dengan Tradisi Kekeluargaan	116
4.6.1 <i>Makan Tahun</i>	117
4.6.2 <i>Makan Aul'</i>	120
4.6.3 <i>Makan Safar</i>	121
4.7 Ritual dan Upacara Kematian dalam Komuniti Kadayan	122
4.7.1 <i>Jumat-jumatan</i>	123
4.7.2 <i>Makan 3,7,40,100 Haie</i>	124
4.8 Perubahan dalam Tradisi Kekeluargaan Kadayan	125

4.8.1 Hubungan Individu dalam Komuniti	125
4.8.2 Pengeciran Bilangan Anggota dalam Keluarga	127
4.8.3 Perubahan dalam Sosialisasi Kanak-kanak	128
4.8.4 Persepsi Komuniti mengenai Pendidikan	131
4.8.5 Perubahan dalam Elemen Kepercayaan Komuniti Kadayan	132
4.8.6 Penghakisan dan Penyesuaian Elemen Upacara Tradisional Komuniti Kadayan	133
4.10 Rumusan	135
BAB 5: FAKTOR DAN KESAN PERUBAHAN	137
5.1 Pendahuluan	137
5.2 Faktor yang Menyebabkan Perubahan	138
5.2.1 Pembangunan di Pulau Labuan	138
5.2.2 Ketiadaan Orang yang Berpengalaman Sebagai Perujuk Istiadat Tradisional Kadayan	143
5.2.3 Perubahan dalam Sistem Pekerjaan Tradisional	144
5.2.4 Keengganan Generasi Muda untuk Meneruskan Pekerjaan Tradisi	147
5.2.5 Faktor Akses Kepada Pendidikan	147
5.2.6 Pembangunan Sektor Pelancongan	148
5.2.7 Masyarakat Melayu Brunei dijadikan sebagai Kelompok Rujukan	150
5.3 Kesan Akibat Perubahan Terhadap Komuniti Kadayan	154
5.3.1 Skala Individual	154
5.3.2 Skala Kekeluargaan	155
5.3.3 Skala Komuniti	157
5.4 Indikator Penting mengenai Perubahan dalam Tradisi Kekeluargaan Kadayan	158
5.4.1 Upacara Tradisional Tidak diamalkan Lagi	159
5.4.2 Perubahan dalam Sistem Pekerjaan Tradisional	159
5.4.3 Generasi Sekarang Tidak Mengetahui Adat Tradisional Kadayan	161
5.5 Hasil dan Kesan daripada Perubahan ke atas Komuniti Kadayan	162
5.5.1 Asimilasi Komuniti Kadayan dengan Masyarakat Melayu Brunei	162
5.5.2 Kejutan Budaya	165
5.6 Halatuju Komuniti Kadayan dalam Menyelusuri Perubahan	168
BAB 6: KESIMPULAN	171
BIBLIOGRAFI	173
LAMPIRAN	176
Lampiran A (Peta Kampung Sungai Miri)	176
Lampiran B (Peta Pulau Labuan dalam Asia Tenggara)	177
Lampiran C (Gambar-gambar)	178

SENARAI PETA

	MUKA SURAT
Peta 2.1: Taburan komuniti Kadayan di Pulau Labuan	36
Peta 2.2: Kedudukan Kampung Sungai Miri dalam Pulau Labuan	42
Peta 5.1: Pelan pembangunan sektor pelancongan di Pulau Labuan (1997-2015)	149

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Kerangka penganalisaan hasil perubahan	21
Rajah 3.1: Terma panggilan dalam komuniti Kadayan	67
Rajah 3.2: Terma gelaran dalam komuniti Kadayan	68
Rajah 3.3: Pola petempatan selepas kahwin dalam komuniti Kadayan pada masa kini	98
Rajah 5.1: Perbezaan antara proses asimilasi dan alkulturasi	163

SENARAI JADUAL

	MUKA SURAT
Jadual 1.1: Senarai <i>key informan</i> penyelidik di Kampung Sungai Miri, WP Labuan	24
Jadual 2.1: Profil ringkas kampung Sungai Miri (2009)	43
Jadual 2.2: Keluarga berbangsa lain dalam kampung Sungai Miri	43
Jadual 2.3: organisasi pekerjaan tradisional di Kampung Sungai Miri	51
Jadual 3.1: Terma rujukan persanakan dalam komuniti Kadayan di Pulau Labuan	62
Jadual 3.2: Terma rujukan sanak semenda dalam komuniti Kadayan di Pulau Labuan	63
Jadual 3.3: Pembahagian tugas kekeluargaan antara lelaki dan perempuan	69
Jadual 3.4: Proses pengamalan adat dan upacara dalam sistem perkahwinan komuniti Kadayan tradisional di kampung Sungai Miri, WP Labuan	73
Jadual 4.1: Pembahagian tugas menjaga anak	108
Jadual 5.1: Pelan rancangan pembangunan WP Labuan (1982-1998)	139



SENARAI GAMBAR

	MUKA SURAT
Gambar 2.1: Sawah padi di Labuan sekitar tahun 1954	49
Gambar: 2.2: Setor padi atau <i>duong</i> di Kampung Sungai Miri sekitar tahun 1954	49
Gambar 2.3: Jalan masuk ke Kampung Sungai Miri	51
Gambar: 2.4: Surau Kampung dan Sekolah Agama Rakyat	52
Gambar 2.5: Pemandangan Kampung Sungai Miri	52
Gambar 2.6: Pemandangan Jalan utama untuk masuk ke Kampung Sungai Miri	53
Gambar 2.7: Papan tanda Kampung Sungai Miri	53
Gambar 2.8: Sekolah Agama Rakyat (SAR), Kampung Sungai Miri	54
Gambar 2.9: Taman permainan kanak-kanak	54
Gambar 2.10: Sebuah rumah di Kampung Sungai Miri	55
Gambar 3.1: Pengantin sedang bepacar, bebadak dan berlurut	76
Gambar 3.2: Adat <i>mandi langir</i>	77
Gambar 3.3: Adat <i>pusar naga</i>	77
Gambar 3.4: Pengantin bersuap-suapan sebelum <i>makan saprah</i>	78
Gambar 3.5: Hidangan <i>makan saprah</i>	78
Gambar 3.6: Majis persandingan	79
Gambar 3.7: Baju Pengantin tradisional perempuan Kadayan	80
Gambar 3.8: Barang-an adat dalam upacara perkahwinan tradisional Kadayan	85
Gambar 3.9: Pelamin tradisional Kadayan	86
Gambar 3.10: Pelamin moden dalam majlis perkahwinan Kadayan	94
Gambar 3.11: Pakaian pengantin pada hari ini	95
Gambar 4.1: Bunga perak	106
Gambar 5.1: Kompleks Ujana Kewangan Labuan	141
Gambar 5.2: Sebahagian dari pandangan kawasan bandar Labuan	143
Gambar 5.3: Kawasan bekas sawah padi di Kampung Durian Tunjong	146
Gambar 5.4: Kawasan bekas sawah padi di Kampung Sungai Bedaun	146
Gambar 5.5: Lokasi Kampung Tradisional Masyarakat Melayu Brunei	152
Gambar 5.6: Pantai Sungai Miri yang berpotensi untuk sektor Pelancongan	167



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kepulauan Borneo adalah merupakan pulau yang ketiga terbesar di dunia, meliputi 755,000 kilometer persegi dan di kelilingi oleh laut China Selatan di sebelah barat, laut Sulu di sebelah utara, laut Sulawesi di sebelah timur dan laut Jawa di bahagian barat pulau tersebut. Di bahagian utara kepulauan Borneo terletaknya negeri Sabah. Di negeri ini (sabah) terdapatnya pelbagai kumpulan etnik yang mendiami dan mereka ini menuturkan lima kelompok bahasa utama iaitu "Dusunic", "Murutic", "Paitanic", "Sama" dan "Malayic" (King dan King 1984). Sungguhpun begitu terdapat juga kumpulan etnik seperti Cina dan India yang datang berhijrah ke pulau Borneo dan kumpulan ini bukan merupakan penduduk asal pulau Borneo tersebut (King dan King 1984).

Dari pelbagai etnik yang terdapat di kepulauan Borneo, komuniti masyarakat Kadayan adalah merupakan kumpulan masyarakat yang menuturkan keluarga bahasa "Malayic" (King dan King 1984) Komuniti ini terdapat dan berselerak sepanjang kawasan pinggir pantai barat daya Borneo. Di negara Brunei Darussalam, komuniti ini membentuk seramai 100.000 orang penduduk yang mana



dalam negara ini terdapat beberapa suku kaum utama iaitu kaum Melayu Brunei, Kadayan, Tutong, Belait, Bisaya, Dusun, Murut, Iban, Penan dan komuniti Cina. Kumpulan etnik tersebut mempunyai dialek, bahasa, budaya dan kebiasaan cara hidup yang berlainan. Ini ditambah lagi dengan pola petempatan kumpulan-kumpulan etnik ini yang bertumpu kepada sesuatu tempat yang spesifik contohnya kebanyakkan kaum Melayu Brunei, Kadayan dan Bisaya menetap di Daerah Brunei Muara, kaum Murut dan Iban menetap di daerah Temburong dan kaum Belait serta Penan bertumpu di daerah Kuala Belait (komunikasi peribadi dengan Tuan Haji Ramlee Dua).

Perangkaan tentang jumlah populasi komuniti Kadayan tersebut tidak termasuk pada komuniti Kadayan yang terdapat di kawasan utara Sarawak (Limbang, Miri, Sibuti dan Sungai Niah), Pulau Labuan dan kawasan barat Sabah (Sipitang, Beaufort dan Papar). Pada masa kini, taburan petempatan komuniti Kadayan bermula dari kawasan Sibuti menganjur ke Limbang, Lawas (Sarawak) dan negara Brunei Darussalam, Pulau Labuan dan seterusnya memanjang sehingga ke Sabah dalam Daerah Sipitang, Menumbuk, Membakut dan di Daerah Papar.

Secara tradisinya, komuniti Kadayan ini dicirikan sebagai petani atau lebih tepatnya pesawah (Shariffuddin 1969:19). Ianya sama seperti komuniti lain di pulau Borneo yang juga menamam padi contohnya dalam masyarakat Dusun yang menjalankan kegiatan menanam padi sebagai aktiviti sara diri (*subsistence*) mereka dan tambahan lagi, tanaman padi merupakan tanaman signifikan bagi sebilangan masyarakat berbilang etnik yang terdapat di kepulauan Borneo.

Dalam menerangkan mana-mana masyarakat terdapat satu badan yang penting yakni keluarga. Keluarga dalam masyarakat adalah merupakan satu unit yang kecil namun ianya juga berpengaruh dalam masyarakat. Sejarah telah membuktikan bahawa setelah zaman berzaman, institusi kekeluargaan masih wujud walaupun di hambat dengan pembangunan dan kemodenan. Institusi kekeluargaan adalah satu sistem sosial yang telah lama wujud dalam peradaban manusia. Institusi kekeluargaan ini wujud dalam pelbagai kebudayaan dan ianya telah menjadi salah satu sistem organisasi yang penting dalam sesebuah masyarakat. Keluarga boleh didefinisikan sebagai satu kumpulan sosial yang relativitinya stabil di mana anggota keluarga saling bersaudara antara satu sama lain melalui perkawinan, hubungan sedarah, pengangkatan anak (*adoption*) atau mereka yang tinggal bersama dan menyediakan antara satu sama yang lain dengan sokongan ekonomi serta emosional (Schwartz dan Scott 2003:211).

Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan mengenai komuniti Kadayan bertumpu di Kampung Sungai Miri (Wilayah Persekutuan Labuan) yang mempunyai peratusan tinggi populasi kaum Kadayan dan beberapa ciri-ciri budaya tradisional Kadayan yang masih diamalkan. Fokus kajian pula ialah dengan menerangkan sistem kekeluargaan mereka dengan membincangkan faktor penting iaitu perubahan yang dialami oleh komuniti ini, sejauhmanakan ianya telah mengubah struktur keluarga, organisasi sosial, pengamalan budaya dan ritual serta elemen lain yang tergolong dalam sistem kekeluargaan komuniti Kadayan.

1.2 Permasalahan Kajian

Perubahan memang terjadi dalam setiap masyarakat dan hal ini tidak dapat dielakkan. Persoalannya adakah perubahan yang diakibatkan oleh pengaruh luar contohnya seperti pembangunan boleh mengubah komponen sistem kekeluargaan termasuklah elemen perkahwinan dan institusi keluarga komuniti Kadayan itu sendiri. Dalam skala besarnya pula, adakah berlaku transformasi dalam struktur kehidupan bermasyarakat dalam komuniti Kadayan ini kerana umum mengetahui bahawa keluarga dalam sesuatu komuniti adalah satu unit kecil namun ianya mempunyai pengaruh yang sangat besar kepada komuniti itu sendiri.

Jika ianya berubah, sejauhmanakah perubahan itu telah mengubah sistem kekeluargaan komuniti tersebut. Apakah pula kesan dan implikasinya terhadap komuniti kecil ini dalam mengekalkan penghidupan mereka. Menyorot kepada penyelidik yang telah membincangkan mengenai keadaan perubahan ini Sharifuddin menyifatkan secara umumnya, komuniti Kadayan pada masa ini turut sama menghadapi arus perubahan dalam kehidupan bermasyarakat (Sharifuddin 1970:66)

Apakah dalam menyelusuri proses perubahan tersebut, komuniti ini telah melakukan penyesuaian untuk mengekalkan kebudayaan dan tradisi mereka yang mungkin tidak selari dengan perubahan tersebut, adakah berlakunya unsur asimilasi dalam tradisi komuniti ini.



Adakah komuniti Kadayan di kampung tersebut merasai kesan kehilangan budaya mereka akibat pembangunan dan budaya moden yang dibawa dari luar? Atau dengan meningkatnya pergaulan dan percampuran komuniti ini dengan kaum-kaum yang lain akan meningkatkan lagi proses asimilasi?

1.3 Objektif Kajian

Seperti yang di terangkan dalam bahagian pengenalan, pengkaji bermatlamat ingin menerangkan dan menganalisa perubahan yang berlaku keatas sistem kekeluargaan masyarakat Kadayan yang menetap di Pulau Labuan. Objektif kajian ini adalah;

1. Menerangkan budaya dan sistem kekeluargaan tradisional yang di amalkan oleh komuniti Kadayan khususnya di Kampung Sungai Miri.
2. Melihat perubahan yang berlaku dalam komuniti Kadayan terutamanya dalam ciri-ciri budaya dan institusi kekeluargaan komuniti ini dan hubungannya dengan ritual dan kepercayaan tradisional.
3. Menganalisa faktor-faktor mengapa berlakunya perubahan tersebut serta kesan perubahan dan adaptasinya terhadap suasana masa kini.

1.4 Konsep Teoretikal

Penyelidikan yang dijalankan adalah berasaskan pendekatan teoritis dasar (*grounded theory*) yang mana ianya timbul dari penyelidikan yang dijalankan



terhadap sesuatu komuniti yang dikaji. Walaupun begitu, dalam menjelaskan mengenai komuniti, perubahan dan tradisi kekeluargaan, penyelidik telah mengambil beberapa konsep dalam antropologi yang sesuai untuk memberikan gambaran penerangan yang mendalam tentang perubahan yang berlaku dalam tradisi kekeluargaan komuniti Kadayan.

1.4.1 Keluarga

Keluarga merupakan satu insitusi sosial yang terdiri dari ibu, bapa dan anak-anak yang berkongsi kehidupan sosial. Murdock (1947) yang dipetik dalam Norazit Selat (1993:70) menerangkan keluarga adalah satu kelompok sosial yang mempunyai ciri-ciri petempatan yang sama, kerjasama ekonomi dan pengembangan zuriat. Di dalamnya terdapat orang dewasa daripada kedua-dua jantina dan sekurang-kurangnya dua orang daripada mereka terdiri dari pasangan perkawinan yang telah diterima umum. Mereka ini juga mungkin telah memperoleh anak, sama ada anak sendiri ataupun anak angkat. Secara am sistem keluarga terbahagi kepada dua bahagian iaitu keluarga asas dan keluarga luas. Konsep keluarga konjugal adalah terkandung dalam keluarga asas (Norazit Selat 1993:71).

Pada dasarnya, permulaan keluarga dalam ketamadunan masyarakat adalah atas sebab peraturan yang melarang hubungan kelamin antara anggota yang rapat dalam keluarga antara ibu-bapa dengan anak atau adik beradik. Larangan ini di namakan larangan sumbang muhrim. Hal ini menyebabkan anggota keluarga akan mencari pasangan hidupnya selain daripada keluarga yang rapat

atau sedarah dengannya dan oleh yang demikian terbentuklah komponen keluarga dalam masyarakat apabila seseorang itu mencari pasangan dan mendirikan keluarganya sendiri. Dengan cara ini, hubungan yang rapat akan terjalin antara satu keluarga dengan keluarga yang lain dan justeru itu institusi perkawinan wujud seiring dengan institusi kekeluargaan. Terdapat empat bentuk keluarga yang diamalkan dalam kebanyakan masyarakat iaitu keluarga konjugal, keluarga luas (*extended family*), keluarga campuran dan keluarga luas yang di ubahsuai (Rohana Yusof 2006:153).

Keluarga asas iaitu nuklear atau konjugal terdiri dari hanya sepasang suami-isteri dan anak-anak mereka dalam satu rumah. Keluarga ini juga di takrifkan sebagai keluarga kecil dalam istilah umumnya. Kebanyakkan tokoh-tokoh Sosiologi bersetuju bahawa keluarga nuklear ini terbentuk akibat daripada proses perindustrian yang menyebabkan anggota-anggota dalam keluarga semakin bersifat *individualisme* dan oleh itu mengabaikan hubungan persanakan dengan sanak-saudara yang lain. Walaubagaimanapun, menurut Appell (1976) dan kemudiannya Lingerfellter (1991) berhujah bahawa bentuk keluarga konjugal ini adalah asas kepada masyarakat Borneo.

Manakala, keluarga luas (*extended family*) adalah terdiri dari sepasang suami-isteri, anak-anak, ibu dan bapa suami atau isteri tersebut dan juga saudara terdekat seperti ipar dan anak buah tinggal bersama dalam satu rumah. Ianya juga boleh diterangkan dengan maskud gabungan lebih daripada satu keluarga konjugal. Keluarga jenis luas ini mempunyai jaringan persanakan yang lebih tersebar dan

hubungan sanak saudara yang erat jika dibandingkan dengan jenis keluarga nuklear. Seperti contoh, adik beradik yang masing-masing telah berkahwin mengambil keputusan untuk tinggal bersama. Hal ini terjadi dalam keluarga di tanah besar China pada masa dahulu (Rohana Yusof 2006:153).

Keluarga campuran terbentuk hasil dari proses penceraian dan pekahwinan yang berlaku dalam keluarga konjugal. Suami atau isteri yang berkahwin lagi akan membawa bersama anak atau anggota keluarga yang baru untuk tinggal bersama-sama. Dalam istilah Melayunya anak-anak dari duda atau janda yang berkahwin lagi akan dipanggil sebagai anak tiri dalam keluarga baru tidak kira lah samaada dari anak suami atau isteri.

Keluarga luas yang diubahsuai pula adalah terbentuk hasil dari rangkaian hubungan keluarga konjugal yang tinggal berasingan tetapi masih mengekalkan perhubungan dengan anggota keluarga lain baik dari segi hubungan kekerabatan atau hubungan berbentuk persahabatan atas dasar saling bergantung antara satu sama yang lain. Anggota keluarga tidak tinggal serumah atau berdekatan tetapi tinggal berjauhan dan masih mengekalkan perhubungan antara anggota keluarga yang lainnya seperti contoh dengan menghantar wang kepada orang tua atau melawat mereka dalam beberapa ketika. Penyertaan dalam bentuk keluarga luas yang diubahsuai adalah berbentuk sukarela dan bukannya paksaan (Rohana Yusof 2006:154)

1.4.2 Komuniti

Konsep komuniti merupakan satu set hubungan sosial yang dilakukan dalam jaringan sempadan tertentu, lokasi atau wilayah. Konotasi berkenaan dengan komuniti ini digunakan oleh para sosiologi dalam makna yang deskriptif. Ianya boleh dirujuk kepada hubungan sosial yang mana berlaku dalam cakupan skala geografi atau dalam kawasan sosial. Komuniti juga boleh ditafsirkan sebagai hubungan yang tidak operatif tetapi wujud dalam makna yang lebih abstrak (dalam tahap ideologikal) (Jary dan Jary 2005:99).

Jary dan Jary (2005:93) menyarankan bahawa maksud komuniti sepatutnya diletakkan atau disusun dalam pengertian sesebuah kelas yang menggunakannya. Dalam penggunaan popular, terma gelaran komuniti ini seringkali dikaitkan dengan konotasi yang bersifat positif seperti "perasaan dalam komuniti" dan "semangat berkomuniti". Ianya menunjukkan bahawa terma gelaran tersebut bukan sekadar bersifat deskriptif bahkan juga berbaur ideologikal dan normatif. Dalam sosiologi, istilah komuniti juga ditafsir dalam maksud tersendiri hasil dari pengaruh tradisi "romanticism" yang berlaku dalam kurun ke 19. Para tokoh sosiologi melihat komuniti sebagai keperluan yang membawa faedah kepada manusia dalam aspek kehendak dan interaksi sosial di kalangan anggota masyarakat (Jary dan Jary 2005:95).

Dalam tafsiran seterusnya, komuniti adalah satu makna bersifat *local* (tempatan) yang boleh disamakan pada masyarakat tradisional dimana, seringkali

konsep komuniti membawa kepada bantuan sosial, perlindungan dan eratnya hubungan pada sesebuah kumpulan tersebut. Komuniti tradisional seringkali menampilkan ciri-ciri yang disebutkan iaitu mereka mempunyai hubungan yang rapat antara anggota-anggotanya yang akan membentuk persefahaman, jaringan perlindungan sesama anggota dan seterusnya akan memberikan bantuan jika berlaku sesuatu terhadap kumpulan tersebut. Ringkasnya, komuniti di sini membawa maksud ikatan sosial yang erat di antara anggota-anggotanya untuk mencapai matlamat perkumpulan yang dikongsi bersama.

Sungguhpun berlaku banyak perbezaan secara definisinya, kesemua komuniti baik yang nyata (*real*) dan simbolik wujud dan beroperasi dalam sempadan atau wilayah. Sempadan membezakan seseorang itu samaada mempunyai keanggotaan dalam komuniti atau tidak. Dalam sesuatu hal, sempadan komuniti kelihatan terlalu *rigid* sebagai contoh dalam sesetengah komuniti keagamaan. Tetapi pada komuniti lainnya, sempadan bersifat cair dan terbuka (Jary dan Jary 2005:95).

1.4.3 Perubahan Sosial

Dalam maksud umumnya, perubahan dapat disamakan dengan perbuatan menukar sesuatu yang menjadi kebiasaan kepada sesuatu yang baru. Hal ini berlaku dalam ruang lingkup sesuatu masyarakat dan semestinya di dalam sesebuah masyarakat itu terkandung institusi-institusi sosial yang akan berubah apabila adanya perubahan. Wilbert E. Moore (1986:4) menjelaskan perubahan pasti berlaku dalam

BIBLIOGRAFI

Buku

- Amran Kasimin. 1993. *Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin. 1995. *Istiadat Perkahwinan Melayu, Suatu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheu Hock Tong. 1986. *Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Diterjemahkan dari "Social Change" Moore E. Wilbert. 1974.
- Dickinson, George E. & Leming, Michael R. 1995. *Understanding Families. Diversity, Continuity and Changes*. Massachusetts: Harcourt Brace College Publisher.
- Fox, Robin. 1978. *Kekeluargaan dan Perkhawinan, Satu Tinjauan Antropologi*. (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan pustaka.
- Hall, Maxwell. 2007. *Labuan Story*. Kuala Lumpur: Synergy media.
- Jary, David & Jary Julia. 2005. (ed.) *Collins Dictionary of Sociology*. United Kingdom: Harper Collins Publisher.
- Julayhi Tani. 1991. *Sosioekonomi Komuniti Kadayan, Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jastwan S. Sidhu. 1995. *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- King, Julie K & John Wayne King. 1984. (ed.) *Languages of Sabah: A Survey Report*. Canberra: Pacific Linguistics centre. The Australian National University.
- Koetjaraningrat. 1990. *Sejarah Teori Antropologi II*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- Miller, Barbara. 2007. *Cultural Anthropology*. New York: Pearson Education
- Norazit Selat. 1993. *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Abdul Aziz. 2001. *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rohana Yusof. 2006. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robiah Sidin. 1998. Pendidikan di Pulau Tioman. Dalam Wan Hashim bin Wan Teh & Ismail Hamid. 1998. (ed.) *Nilai dan Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Pulau Tioman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schwartz, Mary Ann & Scott, Barbara Marliene. 2003. *Marriages and Families, Diversity and Change*. New Jersey: Prentice Hall Education.
- Ting Chew Peh. 1979. *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vago, steven. 1999. *Social Change*. New Jersey: Prentice Hall.
- Wan Hashim bin Wan Teh. Corak Kepimpinan di Wang Kelian. Dalam Wan Hashim bin Wan Teh & Ismail Hamid 1998. (ed.) *Nilai dan Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Kelian, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaakuub Harun. 1984. *Persanakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Diterjemahkan dari "Kinship, a Selected Readings". Goody, Jack. 1971.

Jurnal

- Shariffuddin. 1969. The Kedayans. *Brunei Museum Journal*, 1 (1): 15-23.
- Shariffuddin. 1970. Makan Tahun: The annual feast of the Kedayans. *Brunei Museum Journal*, 2 (1): 61-67.
- Maxwell, Allen R. 1985. 'Kalupis' A Delicacy of Brunei. *Brunei Museum Journal*, 1 (6): 75-84.

Kertas dalam Pascasidang

- Mohamad Suhaidi Salleh. 2005. Ritual, Identiti dan Perubahan: Makan Tahun orang Kedayan Sibuti. *Koferensi Antara Uni Borneo*. 1-17.

Laporan Kerajaan

Laporan Tahunan Perbadanan Labuan 2004. 2004. Perbadanan Labuan.

Laporan Tahunan Perbadanan Labuan 2005. 2005. Perbadanan Labuan

Labuan Development Authority. 1997. *Labuan Development Plan 1997-2015.* WP
Labuan: Labuan Development Authority.

Majalah

Shawal Rajab. 1986. Budaya Tradisi yang Hampir Pupus: Satu Analisa Sosial
masyarakat Kedayan daripada sudut kebudayaan dan ekonomi pertanian.
Majalah Beriga. April-Jun: 12-28.

Chin Yee Mun. 2008. Melayari Perubahan. *Dewan Ekonomi.* Ogos: 25-30.